

SKIM BANTUAN ANAK YATIM DAN IBU TUNGGAL

1. Tujuan Bantuan

Tujuan Skim Bantuan Bencana Alam ini adalah untuk memberi kemudahan bantuan kewangan atau mata benda kepada anak yatim dan ibu tunggal yang terdiri daripada pekebun kecil / anak pekebun kecil dan wargakerja / anak wargakerja RISDA / Syarikat Milikan RISDA (SMR). Bantuan ini dipertimbangkan bagi meringankan bebanan perbelanjaan keluarga bagi anak yatim dan ibu tunggal.

2. Skop Pembiayaan

2.1 Pembiayaan adalah secara bulanan selama tempoh 12 bulan bagi menampung perbelanjaan rumahtangga atau persekolahan samada dalam bentuk kewangan atau mata benda mengikut jumlah berikut :

| Penerima | Bantuan |
|-------------|---|
| Ibu Tunggal | <ul style="list-style-type: none">Maksimum RM1,000.00 setahun atau RM80.00 sebulan selama 11 bulan dan RM120 bantuan terakhir |
| Anak yatim | <ul style="list-style-type: none">Maksimum RM1,000.00 setahun atau RM80.00 sebulan selama 11 bulan dan RM120 bantuan terakhir |

3. Kelayakan pemohon

- 3.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia
- 3.2 Pemohon hendaklah terdiri daripada pekebun kecil yang disahkan oleh Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian / Negeri atau Bahagian Tanam Semula Ibu Pejabat atau wargakerja RISDA / Syarikat Milikan RISDA yang disahkan oleh Pusat Tanggungjawab atau SMR masing-masing
- 3.3 Pendapatan hendaklah RM1,500.00 dan ke bawah sebulan bagi pekebun kecil dan RM2,500.00 ke bawah bagi warga RISDA / SMR.

4. Cara Memohon

- 4.1 Permohonan bantuan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah disediakan oleh Yayasan RISDA iaitu Borang YR-03/2016
- 4.2 Borang permohonan yang telah lengkap dihantar kepada Urusetia Yayasan RISDA melalui Pengarah Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau SMR masing-masing
- 4.3 Setiap permohonan perlu disertakan salinan dokumen sokongan berikut untuk tindakan urusetia Yayasan RISDA ;
 - i) Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Ibu tunggal) atau salinan sijil kelahiran bagi anak yatim yang disahkan untuk kegunaan Yayasan RISDA sahaja
 - ii) Salinan Surat Tanam Semula RISDA sebagai bukti Pekebun Kecil (TS32 / RISDA7 / TS 18A) atau kad pekerja sebagai bukti wargakerja RISDA / SMR.
 - iii) Salinan geran tanah Tanam Semula sebagai bukti Pekebun Kecil
 - iv) Salinan Penyata Gaji / pengesahan Pendapatan Pemohon
 - v) Salinan sijil kematian (ibu atau bapa) yang disahkan oleh Penghulu / Ketua Kampung.
- 4.4 Setiap permohonan perlu mendapatkan pengesahan dan sokongan Pengarah Bahagian, Pengarah RISDA Negeri, Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau Ketua Pegawai Eksekutif SMR bagi memastikan borang permohonan lengkap, menepati syarat kelayakan bantuan dan mengesahkan pemohon adalah pekebun / anak Pekebun Kecil yang berdaftar dengan RISDA atau wargakerja / anak wargakerja RISDA / SMR
- 4.5 Jawatankuasa Penilai Yayasan akan memberi pertimbangan ke atas semua permohonan yang diterima dan keputusannya adalah muktamad dan Jawatankuasa tidak terikat untuk memberi apa-apa alasan jika terdapat bantahan semasa menolak permohonan.